



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

27 JANUARI 2026 (SELASA)

'Rumah Babi' dipindah ke Lokasi Lain

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	1 & 3	27 Jan

'Rumah babi' dipindah ke lokasi lain

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Kerajaan negeri Selangor membatalkan projek 'rumah babi' moden di Bukit Tagar dan akan dipindahkan ke lokasi yang lebih sesuai dan kurang sensitif.

Langkah itu diambil berikutan bantahan kuat daripada pelbagai pihak berkepentingan terutama penduduk setempat.

Pembinaan ladang penter-nakan babi itu menjadi hangat kerana bakal dibina di lokaliti

berhampiran kawasan tadahan air Sungai Tengi, selain menda-pat bantahan ramai termasuk penduduk di Felda berhampiran yang mahukan fasiliti kesihatan.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Maj-lis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sudah mengarahkan Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Izham Hashim untuk mencari lokasi baharu yang lebih sesuai dan selamat.

Beliau mengakui projek itu di-umumkan terlalu awal sehingga

mencetuskan perdebatan.

"Sebelum Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) me-maklumkan kepada kita pada Rabu lalu, MMKN telah menga-rahkan supaya mencari kawasan alternatif kerana kita lihat ada bantahan keras di Bukit Tagar.

"Cadangan Perdana Menteri kita sambut baik, namun kita tidak akan memaklumkan lagi lokasi alternatif kerana sebelum ada keputusan muktamad.

**»BERITA LANJUT
DI MUKA 3**

'Rumah Babi' dipindah ke Lokasi Lain

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	1 & 3	27 Jan

'Rumah babi' pindah ke lokasi lain

DARI MUKA 1

"TAK apalah, kita tangguh dan batalkan buat sementara sebelum mendapat tapak alternatif atau kaedah lain bagi menangani permintaan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2026 Menteri Besar Selangor Selangor di sini, semalam.

Beliau berkata, cadangan memindahkan babi ke Bukit Tagar masih di peringkat awal kerana Kebenaran Merancang (KM) belum dikemukakan, namun isu tersebut digambarkan seolah-olah bakal dilaksanakan dalam masa terdekat.

"Isu ini sebenarnya masih 'separuh masak'. KM belum dihantar, apa pun belum dihantar tetapi gambaran yang timbul seolah-olah dipacak semalam (kelmarin) atau hari ini (semalam).

"Kita belajar daripada perkara ini. Mungkin ada pengumuman yang terlebih awal sedangkan libat urus serta Penilaian Impak Sosial (SIA) perlu dibuat terlebih dahulu," katanya.

Jelas Amirudin, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menghubungi ketika beliau berada di luar negara bagi urusan pemukiman sebuah anak syarikat kerajaan negeri untuk membincangkan mengenai perkara tersebut.

"Pada Rabu (minggu lalu), Exco turut membangkitkan isu bantahan keras di kawasan yang dicadangkan. Saya minta supaya cari tapak lain yang mungkin lebih sesuai dan kurang sensitif," ujarnya.

Mengulas cadangan pembinaan fasiliti berskala besar iaitu 'hotel babi' seperti yang dilaku-



AMIRUDIN

kan di China, beliau menegaskan, perkara tersebut tidak akan dilaksanakan di Selangor.

"Yang kita hendak tangani mungkin hanya 20 hingga 30 peratus, bukan projek mega dan besar-besaran. Itu melampau.

"Keutamaan kita adalah menutup ladang yang tercemar dahulu. Soal kaedah pelaksanaan, kita akan tangani dan ikut nasihat Perdana Menteri kerana isu ini telah melangkaui realiti sebenar," katanya.

Amirudin berkata, perbincangan dengan pengusaha ternakan babi sudah berlangsung sejak dua hingga tiga minggu lalu dan diteruskan bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara.

"Yang penting adalah adil dan melindungi kepentingan semua. Jika ada salah faham, kita akan jelaskan. Kalau ada yang kurang faham, kita tangguh atau batalkan sementara penerangan dibuat dengan lebih menyeluruh," ujarnya.

Pada Sabtu lalu Kosmo! melaporkan Perdana Menteri menyarankan projek pembangunan



ladang babi di Bukit Tagar yang dilaksanakan kerajaan Selangor perlu dibatalkan bagi mengambil perhatian terhadap keresahan dan kebimbangan penduduk di kawasan berkenaan.

Sebelum ini, media melaporkan lebih 200 penduduk di kawasan Felda Sungai Tengi Selatan, Sungai Tengi, Soeharto dan Gedangsa serta penempatan di Bestari Jaya mengadakan perhimpunan aman bagi memban- tah pembinaan ladang babi moden di Bukit Tagar.

Rata-rata penduduk lebih mengharapkan fasiliti kesihatan termasuk hospital yang lebih baik berbanding pembinaan ladang babi.

Bantahan turut ditunjukkan lebih 2,000 pertubuhan bukan kerajaan Islam yang menentang keras sebarang ternakan ladang babi di Selangor termasuk di Bukit Tagar dengan menyerahkan memorandum kepada kerajaan negeri di Bangunan Setiausaha Kerajaan di Shah Alam.

Projek Ternak Babi di Bukit Tagar dibatal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	9	27 Jan

Projek ternak babi di Bukit Tagar dibatal

Selangor tangguh sementara sehingga tempat alternatif, kaedah sesuai ditemui

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan Selangor memutuskan projek ternak babi di Bukit Tagar, Hulu Selangor dibatal dan ditangguhkan sementara sehingga tempat al-

ternatif atau kaedah yang lebih sesuai ditemui.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata keputusan berkenaan dibuat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) minggu lalu, selepas Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pertanian, Datuk Izham Hashim memaklumkan terdapat bantahan keras berhubung projek terbabit.

"Sebenarnya, sebelum PM (Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) maklum pada kita (cadangan batalan dahulu projek), memang MMKN memberikan arahan untuk mencari alternatif kawasan kerana kita lihat ada bantahan keras di Bu-

kit Tagar.

"Kemudian diikuti dengan cadangan PM yang saya sambut baik. Tapi kita tidak akan maklumkan lagi kawasan itu ataupun cadangan lain kerana kita belum putuskan lagi," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2026 Menteri Besar Selangor di sini, semalam.

Cetus pelbagai perdebatan

Amirudin turut mengakui rancangan kerajaan negeri itu diumumkan terlalu awal sehingga mencetuskan pelbagai perdebatan.

"Memang isu ini agak separuh masak sebab apa-apa pun

belum dihantar tapi (kelihatan) macam kita dah nak pacak (bina) semalam atau hari ini.

"Tidak mengapa, kita mungkin daripada hal tersebut mungkin ada yang terlebih umum, agak mendahului kerana yang sepatutnya penglibatan dengan pengusaha perlu dibuat," katanya.

Beliau berkata, Anwar memaklumkan cadangan supaya projek berkenaan dibatalkan menerusi panggilan telefon ketika beliau berada di luar negara untuk pemukiman sebuah agensi kerajaan negeri.

Katanya, cadangan projek ternak babi di Bukit Tagar dilakukan bagi menangani masalah pencemaran yang berlaku

di Tanjung Sepat, Kuala Langkat sejak belasan tahun lalu.

"Kita ikut nasihat PM, sebab isu ini dah melampaui daripada hal dan realiti sebenar. Tak apalah kita tangguh dan kita bantalkan buat sementara, sebelum kita dapat alternatif tapak ataupun kaedah lain," katanya.

Perdana Menteri pada Jumaat lalu berkata, mesyuarat mingguan Kabinet berperundingan berkenaan membabitkan faktor persekitaran dan keresahan rakyat pelbagai kaum di sekitar kawasan baharu itu harus diberi perhatian.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya projek itu dibatalkan terlebih dahulu.



Amirudin melawat reruai pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2026 Menteri Besar Selangor di Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

Mat Sabu: Chicken and Egg Supply Sufficient Ahead of Ramadan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	4	27 Jan

Mat Sabu: Chicken and egg supply sufficient ahead of Ramadan

KUALA LUMPUR: The supply of chicken and eggs is expected to remain sufficient, with no anticipated disruptions, particularly ahead of the Ramadan period next month, said Datuk Seri Mohamad Sabu (pic).

The Agriculture and Food Security Minister said the projection was based on the ministry's data, which showed that the supply of both items is currently stable and well within market demand levels.

However, he said there are several factors, such as smuggling, that could potentially disrupt market supply.

"That is why we want all parties involved to strengthen enforcement and control efforts to prevent such activities from occurring."



Rakyat yesterday.

Sabak Bernam MP Kalam Salan had asked what measures were in place to ensure a stable chicken supply in the market, while also reducing reliance on imports to safeguard the income of small and medium-scale breeders.

In response to a supplementary question from Betong MP Datuk Dr Richard Rapsu on measures to assist small-scale breeders facing rising chicken feed costs,

Mohamad said the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) and the Agriculture Department had developed alternative raw materials for livestock feed.

The alternative livestock feed includes the use of palm kernel, black soldier fly larvae and locally-grown maize, he added.

Mohamad, reported Bernama, said a total of 15 companies are involved in the local maize cultivation initiative, with initial government support provided in the form of financing and

logistical assistance.

On transitioning to a closed-coop system, Mohamad said the transformation process takes into account breeders' readiness, particularly regarding infrastructure and logistical capacity.

"As of December last year, a total of 19 financing facilities for the livestock sub-sector, amounting to RM62.7mil, have been approved."

"However, no subsidies were provided specifically for the transition to a closed-coop system."

Selangor Cancel Bukit Tagar Pig Farming Project After Protest

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
New Straits Times	Nation	7	27 Jan

STATE GOVT PLAN

Selangor cancels Bukit Tagar pig farming project after protests

SHAH ALAM: The proposed pig farming project in Bukit Tagar, Hulu Selangor, has been cancelled following opposition from residents in the area.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the state executive council made the decision last week, with the member in charge of infrastructure and Agriculture, Datuk Izham Hashim, now tasked with identifying alternative sites.

Amirudin said the decision was

in line with Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's suggestion to scrap the proposal.

"Even before the prime minister informed us, the council had already directed a search for alternative areas due to the strong protests in Bukit Tagar," he said.

"We welcome his suggestion. We will also not announce any new location or proposal yet, as no decision has been made," said Amirudin after the Menteri Besar's 2026 New Year address at

Dewan Raja Muda Musa yesterday.

He acknowledged that the state government's plan had been announced prematurely, which led to the public debate.

"No formal plans were submitted but the announcement gave the impression that construction was imminent," he said.

"We will learn from this. Perhaps it was 'over-announced', and we should have engaged with the operators first."

The Bukit Tagar pig farming project was originally proposed to address long-standing pollution issues in Tanjong Sepat, Kuala Langat.

"We will postpone it for now pending the search for an alternative site or better method."

Last Friday, Anwar said the cabinet agreed that environmental factors and local community concerns must be prioritised, leading to the recommendation that the project be cancelled.



Datuk Seri Amirudin Shari

Selangor Akur Desakan Rakyat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	1 & 10	27 Jan

PEMBINAAN LADANG BABI
BUKIT TAGAR BATAL SEMENTARA

Selangor akur desakan rakyat »10

"Kerajaan negeri menyambut baik saranan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya projek tersebut ditangguh atau dibatalkan sementara." - Amirudin Shari



PEMIKIRAN BAHARU

Utusan Malaysia

Pembinaan ladang babi Bukit Tagar batal sementara - MB Selangor

Selangor akur desakan rakyat

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my


SHAH ALAM: Kerajaan negeri akhirnya mengakui cadangan untuk membina ladang babi berpusat yang berskala besar di Bukit Tagar, Hulu Selangor menerima bantahan keras daripada rakyat dan penduduk di kawasan berkenaan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, justeru kerajaan negeri menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya projek itu ditangguh atau dibatalkan sementara.

Beliau berkata, Perdana Menteri menghubunginya pada minggu lalu supaya pembinaan ladang ternakan berkeluasan kira-kira 202 hektar itu dibatalkan.

"Perdana Menteri menghubungi saya melalui panggilan telefon kerana pada waktu itu saya berada di luar negara atas urusan pemukiman sebuah syarikat, saya sendiri mengambil maklum dan menyambut baik.

"Kebetulan juga pada Rabu itu, Exco (Infrastruktur dan Pertanian) Datuk Izham Hashim membangkitkan ada bantahan keras di kawasan dicadangkan. Jadi, saya kata carilah tempat



RUMAH estet Ladang Nigel Gardner antara kawasan perumahan yang terdapat di kawasan Bukit Tagar, Hulu Selangor, Selangor. - UTUSAN/ SADDAM YUSOFF

yang sesuai atau kurang sensitif," katanya ketika ditemui, semalam.

Tambahnya, bagaimanapun, perbincangan dengan pengusaha ternakan masih dilakukan sejak beberapa minggu lalu bagi menyantuni semua pihak supaya dapat berlaku adil demi kepentingan semua.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan tersebut mendapati selain menempatkan tapak pelupusan sisa pepejal, terdapat

sekitar lima kawasan perumahan estet di Ladang Mary hingga ke Ladang Nigel Gardner.

Berdekatan tapak pelupusan sisa, terdapat dua buah sekolah iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Tamil Ladang Nigel Gardner dan Ladang Mary beberapa rumah ibadat termasuk tokong, kuil di kedua-dua ladang dan sebuah Masjid Nigel Gardner dalam radius lima kilometer.

Selain itu, tinjauan lapangan pemberita turut mendapati

sekurang-kurangnya tujuh parit atau anak sungai yang airnya mengalir jernih, sebahagiannya dipercayai mengalirkan air dari Empangan Sungai Tinggi ke Sungai Selangor.

Berdasarkan maklumat penduduk, terdapat tiga kawasan yang salah satunya akan dijadikan ladang ternakan babi berpusat, dua berhampiran tapak pelupusan sampah dan sebuah berdekatan Empangan Sungai Tinggi.

Justeru, cadangan untuk membina ladang tersebut mendapat tentangan daripada penduduk setempat termasuk di Felda Sungai Tengi Selatan, Sungai Tengi, Soeharto dan Gedangsa.

Malah, lebih 400 individu terdiri daripada organisasi bukan kerajaan dan penduduk setempat sebelum ini berhimpun menyatakan bantahan terhadap pembinaan ladang tersebut.

Bantahan dibuat walaupun kerajaan negeri mendakwa pembinaannya akan melibatkan pembinaan teknologi terkini bagi mengurus sisa terhasil serta mengelak daripada bau dan pencemaran melalui zon penampungan di kawasan yang luas.

Tangani Polemik Penternakan Babi dengan Bijak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Rencana	15	27 Jan



DALAM masyarakat majmuk seperti Malaysia, sesuatu polemik biasanya bukan berpunca daripada isu itu sendiri tetapi cara ia ditangani dan difahami oleh semua pihak.

Polemik penternakan sensitif di Selangor yang kembali menjadi perhatian kebelakangan ini wajar dilihat melangkaui emosi dan sentimen, sebaliknya sebagai ujian kepada kematangan tadbir urus, kesejahteraan awam dan keupayaan kita mengurus perbezaan secara berhemah.

Isu ini sering mencetuskan reaksi pelbagai pihak kerana berada di persimpangan antara kepentingan ekonomi, kualiti hidup masyarakat setempat dan keharmonian sosial. Namun, apabila perbincangan awam terlalu tertumpu kepada sensitiviti, menyebabkan isu teras sering terpinggir.

Hakikatnya, persoalan utama bukanlah tentang siapa yang terlibat tetapi bagaimana aktiviti penternakan tertentu diurus supaya tidak menjejaskan alam sekitar dan kesihatan awam.

Penternakan merupakan sebahagian daripada sektor ekonomi yang menyumbang kepada peluang pekerjaan dan bekalan makanan.

Namun seperti industri lain, ia tertakluk kepada peraturan yang bertujuan melindungi kepentingan umum. Aduan berkaitan pencemaran air, bau dan pengurusan sisa menunjukkan kelemahan bukan terletak pada kewujudan industri itu sendiri tetapi pada aspek perancangan, pemantauan dan penguatkuasaan.

Dalam konteks ini, peranan kerajaan negeri amat signifikan. Kerajaan bukan sahaja bertanggungjawab memastikan kelangsungan ekonomi pengusaha tetapi juga wajib melindungi hak masyarakat untuk menikmati persekitaran yang bersih dan selamat.

Pendekatan bersifat sementara atau reaktif tidak mencukupi. Sebaliknya, penyelesaian jangka panjang memerlukan perancangan berasaskan data, kajian impak alam sekitar serta penggunaan teknologi moden bagi mengurangkan kesan negatif aktiviti penternakan intensif.

Perhatian awam turut meningkat apabila Sultan Selangor bertitah agar isu berkaitan pembinaan dan



ISU penternakan babi di Selangor menunjukkan konflik dalam masyarakat majmuk bukan kerana isu itu tetapi bagaimana ia diurus dengan bijak dan berhemah.

Tangani polemik penternakan babi dengan bijak

ISU penternakan babi di Selangor menunjukkan konflik dalam masyarakat majmuk bukan kerana isu itu tetapi bagaimana ia diurus dengan bijak dan berhemah."

operasi fasiliti penternakan di negeri ini diurus secara teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Titah tersebut membawa mesej jelas bahawa kepentingan rakyat dan kesejahteraan negeri tidak boleh dikompromi. Malah mencerminkan peranan institusi diraja sebagai payung

keharmonian, khususnya dalam isu yang berpotensi mencetus keresahan masyarakat.

Titah Sultan Selangor seharusnya dilihat sebagai peringatan bahawa sebarang aktiviti ekonomi tanpa mengira bentuknya, perlu bergerak seiring dengan prinsip tadbir urus yang baik. Proses kelulusan, penempatan semula atau pembinaan fasiliti penternakan perlu dibuat secara telus dan menyeluruh, mengambil kira pandangan komuniti setempat serta nasihat pakar.

Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan konflik, malah meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan mengurus isu sensitif secara adil.

Dalam masa sama, masyarakat juga perlu memainkan peranan dengan lebih matang. Dalam era media sosial, sesuatu isu mudah ditularkan tanpa konteks yang lengkap, lalu membentuk persepsi yang

tidak seimbang.

Polemik yang digerakkan oleh emosi dan prasangka hanya akan mengeruhkan keadaan. Sebaliknya, masyarakat perlu menilai isu ini melalui lensa fakta, undang-undang dan kepentingan bersama.

Pengalaman negara lain menunjukkan aktiviti penternakan berisiko tinggi boleh diurus dengan berkesan melalui zon khas, teknologi mesra alam dan pemantauan berterusan.

KESUNGGUHAN POLITIK

Malaysia tidak kekurangan kepakaran atau kerangka perundangan untuk melaksanakan pendekatan sedemikian. Apa yang diperlukan ialah kesungguhan politik, konsistensi penguatkuasaan dan sokongan masyarakat terhadap penyelesaian yang mampan.

Isu penternakan sensitif ini juga membuka ruang perbincangan lebih

luas tentang hala tuju pembangunan negara.

Dalam usaha menjejaz pertumbuhan ekonomi, aspek kelestarian dan kesejahteraan rakyat tidak boleh dikesampingkan. Setiap aktiviti ekonomi perlu dinilai bukan sahaja dari sudut pulangan kewangan tetapi juga kesannya terhadap alam sekitar dan keharmonian sosial.

Akhirnya, polemik ini bukan tentang memilih pihak tetapi tentang bagaimana kita sebagai masyarakat majmuk mengurus perbezaan dengan rasional dan kebijaksanaan.

Titah Sultan Selangor memberi isyarat jelas bahawa penyelesaian perlu berpaksikan undang-undang, keadilan dan kepentingan awam.

Jika semua pihak bersedia bergerak daripada polemik kepada penyelesaian, maka isu ini boleh menjadi titik tolak kepada tadbir urus yang lebih baik dan masyarakat yang lebih matang.

Dalam dunia yang semakin kompleks, kematangan sesebuah negara diukur bukan melalui ketiadaan konflik tetapi melalui keupayaannya mengurus konflik secara berhemah. Di situlah letaknya harapan untuk Malaysia yang harmoni, progresif dan berdaya tahan.

DR. Zurina Samsudin ialah Pensyarah Kanan Johor Business School, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Projek Ternakan Babi dibatal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	12	27 Jan

MB SELANGOR AKUR NASIHAT PM, CARI TAPAK ALTERNATIF

Projek ternakan babi **dibatal**

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Projek ternakan babi di Bukit Tagar, Hulu Selangor dibatal dan ditangguhkan sementara lokasi alternatif atau kaedah yang lebih sesuai ditemui.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan berkenaan dibuat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

(MMKN) minggu lalu selepas Exco Infrastruktur dan Pertanian, Datuk Izham Hashim memaklumkan terdapat bantahan keras berhubung projek terabait.

"Sebenarnya sebelum PM (Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) maklum pada kita (cadangan batalkan dahulu projek), memang MMKN memberikan arahan untuk mencari alternatif kawasan kerana kita lihat ada bantahan keras di Bukit Tagar.

"Kemudian diikuti dengan cadangan PM yang saya sambut baik. Tapi kita tidak akan maklumkan lagi kawasan-kawasan itu ataupun cadangan-cadangan lain kerana kita belum putus lagi," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2026 Menteri Besar Selangor di Dewan Raja Muda Musa, Seksyen 7, semalam.

Sementara itu, Amirudin mengakui rancangan kerajaan negeri itu diumumkan terlalu awal se-

hingga mencetuskan pelbagai perdebatan.

"Memang isu ini agak se-paruh masak sebab apa-apa pun belum dihantar tapi (kelihatan) macam kita dah nak pacak (bina) semalam atau hari ini.

"Tidak mengapa, kita belajar daripada hal tersebut mungkin ada yang terlebih umum, agak mendahului yang sepatutnya pembabit-an dengan pengusaha perlu dibuat," katanya.

Beliau berkata, Anwar memaklumkan cadangan supaya projek berkenaan

dibatalkan menerusi panggilan telefon ketika beliau berada di luar negara untuk pemukiman sebuah agensi kerajaan negeri.

Katanya, cadangan projek ternakan babi di Bukit Tagar dilakukan bagi menangani masalah pencemaran yang berlaku di Tanjong Sepat, Kuala Langkat sejak belasan tahun lalu.

"Kita ikut nasihat PM, sebab isu ini dah melampaui daripada hal dan realiti sebenar. Tak apalah kita tangguh dan kita batalkan buat

sementara, sebelum kita dapat alternatif tapak ataupun kaedah lain," katanya.

Perdana Menteri pada Jumaat lalu berkata, mesyuarat Kabinet berpandangan bahawa isu berkenaan membabitkan faktor persekitaran dan keresahan rakyat pelbagai kaum di sekitar kawasan baharu itu harus diberi perhatian.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya projek itu dibatalkan terlebih dahulu.



AMIRUDIN (duduk tengah) pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2026 Menteri Besar Selangor di Dewan Raja Muda Musa, Seksyen 7.

Bekalan Ayam, Telur Dijangka Stabil Menjelang Ramadan- Mohamad Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Dalam Talian	26 Jan



KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Bekalan ayam dan telur di pasaran tempatan dijangka mencukupi dan tidak berdepan sebarang masalah terutama menjelang Ramadan bulan depan, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata jangkaan itu dibuat berdasarkan data Kementerian yang menunjukkan status kedua-dua barangan berkenaan. Ketika ini agak stabil di pasaran.

“Bagaimanapun, kadangkala ada beberapa faktor seperti penyeludupan yang berisiko menjejaskan bekalan di pasaran, sebab itu kita mahu semua pihak yang terlibat dan kementerian berkaitan untuk mengawal perkara ini (penyeludupan) supaya tidak berlaku.

“Selain itu, dalam soal import bekalan ayam, kementerian juga akan sentiasa memastikannya seimbang dengan pengeluaran tempatan,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Kalam Salan (PN-Sabak Bernam) mengenai perancangan untuk memastikan kestabilan bekalan ayam di pasaran selain mengurangkan import ayam sebagai langkah melindungi pendapatan penternak kecil dan sederhana.

Menjawab soalan tambahan Datuk Dr Richard Rapu @ Aman Anak Begri (GPS-Betong) mengenai langkah membantu penternak kecil yang berdepan tekanan kos makanan ayam, Mohamad berkata Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Pertanian telah membangunkan bahan mentah alternatif.

Beliau berkata ia termasuk penggunaan isi rong sawit, larva Black Soldier Fly dan jagung bijirin tempatan sebagai makanan ternakan.

Mohamad berkata setakat ini, sebanyak 15 syarikat terlibat untuk inisiatif tanaman jagung bijirin tempatan, dengan kerajaan memberikan sokongan awal daripada aspek kewangan dan logistik.

Menjawab soalan asal Richard mengenai strategi Kementerian untuk membantu penternak kecil beralih ke reban tertutup,

Mohamad berkata transformasi berkenaan mengambil kira tahap kesiapsiagaan penternak dalam aspek infrastruktur dan logistik.

“Sehingga Disember 2025, sebanyak 19 pembiayaan bagi subsektor ternakan diluluskan dengan nilai RM62.7 juta, namun tiada subsidi disediakan bagi transformasi kepada reban tertutup,” katanya.-[BERNAMA](#)

[KRONOLOGI] Isu Ladang Ternakan Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Edisi	Dalam Talian	26 Jan



Isu ladang ternakan babi di Selangor yang berlarutan sejak puluhan tahun akhirnya memuncak apabila kerajaan negeri memutuskan untuk membatalkan dan menangguhkan projek ladang babi berpusat di Bukit Tagar. Foto hiasan

ISU ladang ternakan babi di Tanjung Sepat yang berlarutan sejak puluhan tahun lalu mula memuncak pada awal Januari apabila operasi penternakan didakwa menjadi tidak sah berikutan lesen yang dimohon penternak tidak diperbaharui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor bermula 1 Januari.

Keadaan itu mencetuskan rayuan daripada pengusaha terlibat, mendorong campur tangan kerajaan negeri

termasuk perbincangan di peringkat Exco, selain bantahan terbuka oleh ratusan penternak yang menggesa syarat pelesenan dilonggarkan bagi membolehkan operasi diteruskan.

Berikut merupakan kronologi isu ladang ternakan babi di Selangor.

1 Januari: Bermula tarikh ini, pengoperasi ladang ternakan babi dijalankan secara tidak sah selepas Jabatan

Perkhidmatan Veterinar Selangor (JPV) tidak memperbaharui lesen yang dimohon penternak.

7 Januari: Exco kerajaan Selangor, Ng Sze Han mendedahkan bahawa selepas menerima rayuan daripada para penternak, beliau segera menghubungi Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Chan Foong Hin dan JPV serta turut membangkitkan isu itu dalam mesyuarat Exco.

9 Januari: Seramai 200 penternak babi dan pihak berkepentingan industri berkaitan berhimpun di hadapan Persatuan Penternak Babi Kuala Langat bagi membantah syarat yang disifatkan terlalu ketat dan menggesa kerajaan melonggarkan lesen.

10 Januari: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan dukacita dan tidak bersetuju dengan perancangan kerajaan negeri membenarkan operasi sementara penternakan babi di Tanjong Sepat, sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030.

12 Januari: Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Izham Hashim berkata, pemindahan ladang penternakan babi ke lokasi khas di kawasan Bukit Tagar,

Hulu Selangor akan disegerakan pada tahun ini berbanding perancangan terdahulu yang dijangka pada 2030.

13 Januari: Kerajaan negeri akan menyegerakan kajian penilaian impak alam sekitar (EIA) dan sosial (SIA) sebelum melaksanakan pembangunan ladang ternakan babi berpusat di Bukit Tagar.

16 Januari: 37 NGO Melayu Islam menyerahkan memorandum bantahan cadangan projek ladang babi berskala besar didakwa berdekatan penduduk Melayu di Bukit Tagar.

17 Januari: Penduduk Felda di sekitar Hulu Selangor meneruskan perhimpunan membantah cadangan memindahkan pusat penternakan babi dari Tanjong Sepat ke Bukit Tagar yang didakwa terlalu hampir dengan kawasan penempatan dan sumber air.

23 Januari: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesyorkan projek ternakan babi berpusat di Bukit Tagar yang menimbulkan keresahan masyarakat setempat dibatalkan terlebih dahulu ataupun dipindahkan di kawasan baharu yang lebih baik.

26 Januari: Kerajaan Selangor

memutuskan projek ternakan
babi di Bukit Tagar dibatal
dan ditangguhkan sementara
lokasi alternatif atau kaedah
yang lebih sesuai ditemui.-
[SINARHARIAN](#)

Nipah Risk Hinges on Pig Farm Site, Bat Exposure, Says Monash Virologist

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Code Blue	Animal Health	Dalam Talian	26 Jan



Pigs in a farm. Photo by Shutterstock.com.

KUALA LUMPUR, Jan 26 — A Monash University Malaysia virologist said modern pig farming only protects public health if it removes the key transmission pathways that fuelled Malaysia's 1998-1999 Nipah virus outbreak.

Assoc Prof Dr Sharifah Syed Hassan said modern pig farming can protect public health "if all elements" of the system are followed, including measures to reduce exposure to vectors and prevent the entry of infected pigs.

"Modern farming system's main purpose is to reduce odour, flies, wastewater and reduce its negative impact on animal health, public health, the environment and social wellbeing," Dr Sharifah from Monash University Malaysia's Jeffrey Cheah School of Medicine and Health Sciences told CodeBlue in an email interview.

Dr Sharifah, formerly director of research at the Department of Veterinary Services (DVS), said claims

linking modern pig farming projects to Nipah outbreaks often misunderstand how the virus was introduced into pigs.

“It should be understood that during the outbreaks of Nipah virus (NiV) in pigs and humans, the introduction or transmission of NiV into pigs are from the bats,” she said, adding that bats “harbour hundreds of species of viruses”.

The molecular virologist said major factors supporting Nipah outbreaks included open pen systems and pig farms located in orchards, which increased the likelihood of pigs being exposed to bat secretions. She said pigs could become infected after eating half-eaten fruit contaminated with bat saliva or through exposure to bat excreta.

Nipah would then spread from pigs to pigs and pigs to humans, particularly within the same farm, through the respiratory route. Dr Sharifah added that wider spread across Malaysia occurred through the purchase and movement of Nipah-infected pigs between farms.

“The major contributing factor is the vicinity of pig farms surrounded by orchards and the virally-infected half-eaten fruits

from the saliva of the bats,” she said. “In other words if there is no exposure from bat secretion whatsoever, the risk is very low or nil.”

Dr Sharifah said risk remains low “whether the farms are sporadic or centralised”, as long as the main contributing factors are not present.

The vector-borne disease researcher cautioned that modern pig farms are not automatically protected if biosecurity measures are not enforced, especially when animals are brought in from outside.

“Already infected sick pigs from other ‘dirty’ farms may enter the herd if biosecurity measures are not undertaken,” she said.

“If biosecurity measures are fully abided,” she said, practices such as disease testing before entry, quarantine, and all-in-all-out systems can help keep pig herds “clean from NiV or any other zoonotic viruses”.

Dr Sharifah said biosecurity and biosafety measures such as movement control, quarantine, active testing and surveillance, reporting, and early warning systems can help identify zoonotic spillovers in both centralised and dispersed farms, but

stressed that outcomes depend on implementation and enforcement.

She said strong biosecurity is particularly critical for African swine fever (ASF), which has affected Malaysia's pig industry in recent years.

Dr Sharifah said ASF remains a major threat to pig farms and that "the 'find one, call all' approach is the most practical way to help eradicate it, especially when coupled with testing and culling".

ASF has "a devastatingly high mortality rate, often reaching up to 100 per cent, especially with highly virulent strains", as the virologist warned that infected pigs that survive "end up being carriers".

Beyond zoonotic diseases, Dr Sharifah said modern pig farming makes environmental and public nuisance risks easier to control, including wastewater, odour, and vectors.

However, she cautioned that areas with high pig concentrations may increase risks of vector-borne diseases like Japanese encephalitis (mosquito-borne) and the emergence of other arboviruses that may use pigs as amplifying hosts.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari announced earlier today a suspension of the Bukit Tagar centralised pig farming project in Hulu Selangor following heavy criticism, saying alternative sites would be identified.

Last Friday, Prime Minister Anwar Ibrahim urged the Selangor state government to cancel the Bukit Tagar project and consider relocating it, saying that location matters even if the best technology is used.

In CodeBlue's report, veteran virologist Prof Dr Lam Sai Kit, whose team discovered Nipah during Malaysia's 1999 outbreak, said centralised farms could strengthen oversight and disease control compared to scattered farms.

"Bigger farms do not mean bigger outbreaks since centralised farms are easier to regulate and isolate," Dr Lam told CodeBlue. "The 1999 outbreak in Malaysia spread through small and medium farms with poor oversight."

Dr Lam said centralisation can enable "strict control measures, dedicated isolation zones for new and sick animals, centralised labs for routine screening and real-time data sharing and better reporting and traceability of livestock".-

[CODEBLUE](#)

Chicken, Egg Supply Expected to Remain Sufficient Ahead of Ramadan, Says Minister

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
New Straits Times	Nation	Dalam Talian	26 Jan



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said that the supply of chicken and eggs in the local market is expected to remain sufficient, with no anticipated disruptions, particularly ahead of the Ramadan period next month. — BERNAMA

KUALA LUMPUR: The supply of chicken and eggs in the local market is expected to remain sufficient, with no anticipated disruptions, particularly ahead of the Ramadan period next month, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said that the projection was based on data from the ministry, which showed that the supply situation for both items is currently stable and

well within demand levels.

"However, there are several factors, such as smuggling, which could potentially disrupt market supply.

That is why we want all parties involved, including the relevant ministries, to strengthen enforcement and control efforts to prevent such activities from occurring.

"Concerning chicken imports,

the ministry will also ensure that imports remain balanced with local production, so as not to undermine domestic producers," he said during a question-and-answer session in the Dewan Rakyat, today.

He was responding to a supplementary question from Kalam Salan (PN-Sabak Bernam), on measures to ensure the stability of chicken supply in the market, while at the same time reducing reliance on imports to safeguard the income of small and medium-scale breeders.

Responding to a supplementary question from Datuk Dr Richard Rapu @ Aman Begri (GPS-Betong), on measures to assist small-scale breeders facing pressure from rising chicken feed costs, Mohamad said that the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) and the Department of Agriculture had developed alternative raw materials for livestock feed.

He said these alternatives include the use of palm kernel, black soldier fly larvae and locally grown maize.

To date, a total of 15 companies are involved in the local maize cultivation initiative, with the

government providing initial support in the form of financing and logistical assistance, he said.

Responding to Richard's original question on the ministry's strategy to assist small-scale breeders in transitioning to a closed coop system, Mohamad said the transformation process takes into account breeders' readiness, particularly in terms of infrastructure and logistical capacity.

"As of December 2025, a total of 19 financing facilities for the livestock subsector, amounting to RM62.7 million, have been approved.

"However, no subsidies have been provided specifically for the transition to a closed coop system," he said. — [NST](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR